

## BAB EMPAT

### ANALISIS PELAKSANAAN SAHAM WAKAF DI MAIS MENURUT PERSPEKTIF PENGURUSAN ISLAM

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan berkaitan analisis pelaksanaan saham wakaf di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) atau dikenali sebagai Saham Wakaf Selangor (SWS) menurut perspektif pengurusan Islam. Fokus analisis berhubung pengurusan Islam adalah pada perkara berkaitan sumber, falsafah, fungsi, prinsip, matlamat dan masalah dalam mengurus dan melaksanakan SWS di MAIS. Sehubungan itu juga, analisis yang dibuat dalam bab ini telah menjadikan teoretikal dan maklumat yang terdapat pada bab dua dan bab tiga dalam kajian ini sebagai sandaran. Dengan dapatan dan huraian perkara-perkara berkaitan di dalam bab ini akan memenuhi objektif ketiga dalam kajian ini iaitu untuk menganalisis pelaksanaan saham wakaf di MAIS menurut perspektif pengurusan Islam.

#### 4.1 Analisis Pelaksanaan SWS Berdasarkan Sumber Pengurusan Islam

Sumber yang dimaksudkan adalah asas rujukan yang digunakan dalam setiap perkara yang dilakukan di dalam tindakan dan perlakuan yang terdiri daripada al-Quran, al-Sunah, masyarakat manusia dan peradabannya serta keperluan dalam realiti semasa.<sup>1</sup> Dalam konteks pelaksanaan SWS, keempat-empat sumber tersebut diambil kira bagi tujuan analisis yang telah dijalankan.

---

<sup>1</sup> Lihat huraian terperinci berkaitan Sumber Pengurusan Islam di Bab 2, 64.

Dalam mengambil al-Quran sebagai sumber rujukan pelaksanaan SWS adalah seperti yang diperkatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) MAIS<sup>2</sup> :

“Kita ingin berwakaf dan bersedekah, kenalah bagi yang terbaik seperti dalam al-Quran kalau nak berwakaf atau bersedekah kena bagi yang terbaik. Contoh yang dapat dilihat dalam sedekah, Habil dan Qabil, Allah ambil yang terbaik.”<sup>3</sup>

Melalui kata-kata tersebut, beliau menyatakan bahawa harta yang ingin dijadikan sebagai harta wakaf itu perlulah diambil daripada harta yang paling baik. Beliau juga telah mengaitkan dengan peristiwa Habil dan Qabil yang Allah s.w.t. telah menceritakannya di dalam al-Quran berhubung memilih sesuatu barang yang terbaik untuk tujuan beribadah. Perkara ini telah dirakamkan oleh Allah s.w.t. di dalam firman-Nya :

وَأَتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأً أُبْنَىٰ إِدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَبَا قُرْبَانًا  
فَتُقْبَلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقْبَلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ  
لَا قُتْنَاكَ قَالَ إِنَّمَا يَتَقْبَلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ  
ص  


Maksudnya : “Dan bacakanlah (Wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, Iaitu ketika mereka berdua mempersesembahkan satu persembahan korban (untuk mendampingkan diri kepada Allah). lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Habil), dan tidak diterima (korban) dari yang lain (Qabil). berkata (Qabil):” Sesungguhnya aku akan membunuhmu!”. (Habil) menjawab: “Hanyasanya Allah menerima (korban) dari orang-orang yang bertaqwaa”

Surah al-Maidah 5: 27

<sup>2</sup> Abu Bakar bin Yang (Ketua Pegawai Eksekutif , Perbadanan Wakaf Selangor) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>3</sup> Ibid.

Oleh itu, apa yang diutarakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS MAIS menggambarkan salah satu daripada rujukan dalam pelaksanaan SWS oleh MAIS adalah berpanduan kitab al-Quran.

Rujukan melalui al-Sunah pula adalah seperti dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS MAIS dalam perkara berhubung bagaimana untuk melakukan ibadah yang terbaik terhadap harta. Ujar beliau :

“...Kalau nak bagi, bagilah yang terbaik seperti Sayidina Umar tanya kepada nabi dia perolehi tanah yang terbaik dan apa yang perlu aku buat, nabi kata tahanlah tanah itu dan wakafkan. Kalau ramai orang macam Sayidina Umar sekarang ini alangkah baiknya.”<sup>4</sup>

Melalui kata-kata tersebut, beliau telah mengaitkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. ketika ditanya oleh Sayidina Umar berhubung sebidang tanah yang diperolehinya dalam satu peperangan di Khaybar. Hadis yang dikaitkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS MAIS itu seperti yang telah dirakamkan iaitu :

أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَصْبَتُ أَرْضًا بَخِيرًا لَمْ أَصْبِرْ مَالًا قَطُّ أَنفُسِي عَنْهُ فَمَا تَأْمِنِي بِهِ؟ قَالَ إِنْ شَئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا. فَنَصَدَقْتَ بِهَا عُمْرًا لَا يَبْعَدُ وَلَا يَوْهَبُ وَلَا يُورَثُ، تَصَدَّقْتَ بِهَا فِي الْفَقَرَاءِ وَفِي الرِّقَابِ ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جَنَاحَ عَلَى مَنْ وَلَيْهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ وَيَطْعَمَ غَيْرَ مَتَّمِولٍ.<sup>5</sup>

Maksudnya : *Umar bin al-Khattab telah mendatangi Nabi s.a.w., lalu berkata, “Wahai Rasulullah, saya memperoleh tanah di Khaibar yang saya tidak menyukai sama sekali harta yang lebih baik daripadanya, maka apa yang kamu serukan kepadaku?” Nabi menjawab, “Jika kamu ingin tahan pokoknya dan bersedekah*

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Muhammad Fuad ‘Abdul al-Baqi, *Sunan al-Hāfiẓ Abi ‘Abd Allah Muḥammad Bin Yazid al-Qazwini Ibn Majah*, Juz. 2, (Dar al-Fikr, t.t), 801; Muhammad Bin ‘Ali Bin Muhammad Syawkani, *Nayl al-Awtar*, Juz. 6, (Dar al-Fikr, t.t), 128.

*dengannya!” Lalu Umar bersedekah dengan hasil bumi itu. Tanah tersebut tidak dijual, tidak dihibahkan, dan tidak diwariskan. Umar bersedekah dengannya kepada orang fakir, hamba di jalan Allah, orang yang di perjalanan, dan kepada tamu. Orang yang menguasai wakaf tidak berdosa memakan sebahagian darinya dengan cara baik, dan memberi makan bukan untuk memperkayakan diri.*

Dengan ini juga menunjukkan bahawa sumber dari al-Sunah juga turut dijadikan rujukan dalam pelaksanaan SWS.

Seterusnya apa yang dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS MAIS berhubung kisah Sayidina Umar boleh dijadikan bukti bahawa sumber rujukan pelaksanaan SWS oleh MAIS seterusnya selain dari al-Quran dan al-Sunah adalah merujuk kepada masyarakat manusia dan peradabannya. Perkara ini apabila dikaitkan kepada sejarah pelaksanaan wakaf ini yang telah bermula dari zaman Rasulullah s.a.w.. Peristiwa Sayidina Umar melakukan wakaf dengan tanahnya di Khaybar juga menjadi rujukan amalan berwakaf tersebut. Ketika zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat, berbagai-bagi harta yang telah diwakafkan antaranya tanah, peralatan perang dan berbagai-bagi lagi. Ini menunjukkan bahawa setiap harta yang boleh memberi manfaat kepada manusia boleh digunakan untuk berwakaf. Secara tidak langsung, semua peristiwa dan perlakuan Rasulullah s.a.w., para sahabat dan seterusnya telah menjadi panduan kepada pelaksanaan wakaf hingga ke pelaksanaan saham wakaf pada hari ini.

Pada peringkat awal, wakaf yang diuruskan oleh Unit Wakaf, Bahagian Baitul Mal MAIS hanya memberi fokus kepada aset-aset atau harta-harta kekal yang dimiliki oleh umat Islam dan pengurusan yang dilakukan adalah berdasarkan keperluan dan perkara-perkara pentadbiran yang diamanahkan kepada MAIS.

Kemudian, berdasarkan kepada keperluan dan tuntutan semasa, wakaf secara tunai ini telah diperkenalkan dan diterima untuk diamalkan dengan melihat pandangan-pandangan ulama' mengenainya. Seterusnya tanggungjawab berkaitan wakaf secara tunai atau SWS tersebut pada masa kini telah diberikan kepada PWS. Dengan adanya kaedah berwakaf secara tunai ini akan memudahkan kepada pihak yang ingin berwakaf dimana mereka hanya perlu menggunakan wang yang mereka miliki untuk tujuan berwakaf dan tidak perlu tertumpu pada harta kekal yang dimiliki sahaja. Ini menunjukkan keperluan dalam realiti semasa menjadi sandaran kepada pelaksanaan SWS dan seterusnya menjadi salah satu daripada rujukan pelaksanaan SWS tersebut.

Kesimpulannya, didapati bahawa dalam melaksanakan SWS, sumber rujukan yang menjadi sandarannya adalah seperti yang telah dihuraikan pada teoretikal dalam kajian sebelum ini iaitu berhubung sumber pengurusan Islam itu yang terdiri daripada al-Quran, al-Sunah, masyarakat manusia dan peradabannya serta keperluan dalam realiti semasa.

#### **4.2      Analisis Pelaksanaan SWS Berdasarkan Falsafah Pengurusan Islam**

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pengkaji telah menghuraikan tiga falsafah yang ada dalam pengurusan Islam iaitu falsafah tauhid, falsafah khalifah dan falsafah *tazkiyah*.<sup>6</sup> Justeru itu, bagi menganalisis pelaksanaan SWS berdasarkan falsafah pengurusan Islam tersebut, pengkaji merujuk kepada visi, misi, objektif dan etika kerja MAIS itu sendiri.

Pengamalan falsafah tauhid dalam pelaksanaan SWS oleh MAIS adalah merujuk kepada visi MAIS iaitu “ Membangunkan Ummah Ke Arah Mendapatkan Keredaan Allah”. Oleh itu, berdasarkan matlamat “...Mendapatkan Keredaan Allah”

---

<sup>6</sup> Lihat huraian terperinci berkaitan Falsafah Pengurusan Islam pada Bab 2, 69.

yang terdapat dalam visi tersebut bermakna, setiap tindakan di MAIS mestilah berlandaskan kepercayaan kepada Tuhan yang Maha Esa. Setiap tindakan yang dilakukan perlulah atas kepercayaan bahawa apa yang dilakukan itu adalah atas kuasa dan dengan izin Allah s.w.t. sebagai Pencipta alam ini. Ini menunjukkan bahawa kepercayaan dan ketauhidan kepada Allah s.w.t. itu adalah perkara asas dan utama dalam perlakuan setiap urusan di dalam organisasi. Seterusnya, dalam mencapai keredhaan Allah s.w.t. itu juga, apa yang telah diberi petunjuk oleh Allah s.w.t. dalam apa-apa perkara itu menjadi landasan dan pegangan MAIS. Oleh itu, didapati bahawa, falsafah tauhid turut tersirat di dalam segala yang dilakukan oleh MAIS dan termasuk juga pada pelaksanaan SWS ini.

Falsafah khalifah dalam pelaksanaan SWS pula dilihat melalui misi dan objektif MAIS. Misi MAIS yang dimaksudkan iaitu "Pembangunan Ummah Melalui Pembentukan Masyarakat Berilmu, Beramal, Beriman dan Berakhhlak, Ekonomi Yang Perkasa, Usaha-Usaha Dakwah Yang Berkesan, Pengurusan Harta Yang Cekap dan Institusi Agama Yang Proaktif". Manakala Objektif MAIS pula ialah "Berusaha meningkatkan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial umat Islam Negeri Selangor melalui kaedah penyelidikan, pengurusan dan pembangunan yang sistematik dan lengkap berlandaskan hukum syarak dengan menggunakan sumber MAIS secara optimum". Seterusnya menerusi dua perkara tersebut, falsafah khalifah yang terdapat dalam pelaksanaan SWS boleh dibahagikan kepada dua juga iaitu berkaitan sebagai pemegang amanah dan berkaitan fungsi serta peranan di dalam pelaksanaan SWS itu sendiri. Sebagai pemegang amanah, seperti yang diperkatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS iaitu :

"Dalam pengurusan wakaf di Negeri Selangor, MAIS adalah sebagai pemegang amanah seperti yang

dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor yang kita lihat pada enakmen tersebut pada Seksyen 89 yang menyatakan MAIS adalah pemegang amanah tunggal kepada wakaf dan kemudian kuasa itu diserahkan kepada Perbadanan Wakaf Selangor setelah Perbadanan Wakaf Selangor ini ditubuhkan”<sup>7</sup>

Sebagai pemegang amanah, apabila dilihat pada misi, MAIS perlu melaksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan tujuan membangunkan ummah dan ia adalah sebagai salah satu daripada menjalankan amanah yang dimaksudkan. Perkara-perkara tersebut termasuklah membentuk masyarakat berilmu, beramal, beriman dan berakh�ak. Selain itu juga MAIS perlu memperkasakan ekonomi umat Islam, melaksanakan usaha-usaha dakwah yang berkesan, menguruskan harta umat Islam dengan cekap dan menggerakkan institusi agama di Negeri Selangor ini dengan proaktif. Oleh itu, apa yang tersirat darinya ialah, setiap pelaksanaan amanah tersebut memerlukan kepada perancangan, pengurusan, pentadbiran dan sebagainya. Tugas dan tanggungjawab itu jugalah yang perlu dilakukan oleh khalifah dalam melaksanakan amanah yang diberikan. Akhirnya secara umum, tugas-tugas yang dinyatakan ini adalah merupakan tanggungjawab MAIS sebagai pemegang amanah yang telah ditentukan dan termasuklah berkaitan pelaksanaan SWS itu sendiri.

Seterusnya dalam merungkai falsafah khalifah berkaitan fungsi serta peranan di dalam pelaksanaan SWS, ia dikaitkan tanggungjawab untuk memakmurkan bumi oleh MAIS sebagai khalifah. Ini dapat dilihat melalui objektif MAIS yang merupakan antara perkara-perkara yang dilakukan dengan maksud memakmurkan. Perkara-perkara yang dilakukan termasuklah berusaha meningkatkan kemajuan

---

<sup>7</sup> Abu Bakar bin Yang (Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

ekonomi dan kesejahteraan sosial umat Islam Negeri Selangor melalui kaedah penyelidikan, pengurusan dan pembangunan yang sistematik dan lengkap berlandaskan hukum syarak dengan menggunakan sumber MAIS secara optimum. Oleh itu, apa yang dilakukan terhadap pelaksanaan SWS adalah salah satu usaha MAIS dalam memakmurkan bumi ini melalui manfaat yang akan dapat dirasai oleh semua seterusnya semua perkara tersebut juga adalah memberi fokus kepada membangunkan ummah yang mana merupakan matlamat pewujudan MAIS itu sendiri.

Manakala berhubung dengan falsafah *tazkiyah* iaitu berkaitan menyucikan diri, organisasi dan persekitaran seperti yang dijelaskan sebelum ini<sup>8</sup> adalah merujuk kepada visi, misi dan etika kerja MAIS. Visi MAIS iaitu “ Membangunkan Ummah Ke Arah Mendapatkan Keredaan Allah” bermaksud ia menuntut kepada pelaksanaan setiap perkara oleh MAIS itu mestilah bercirikan akhlak yang mulia. Jika dilihat dari sudut penyucian diri dan organisasi, ia adalah melalui pengamalan sifat-sifat yang mulia seperti ketelusan, amanah, ikhlas dan sebagainya oleh kakitangan dan organisasi MAIS itu sendiri. Perkara ini lebih penting lagi untuk diamalkan apabila MAIS juga adalah merupakan institusi yang berlatarbelakangkan Islam yang sememangnya menuntut untuk mengamalkan akhlak mulia dalam segala urusan termasuklah pada perkara pelaksanaan SWS. Seterusnya perkara ini lebih jelas lagi apabila etika kerja MAIS iaitu “Amanah, Prihatin dan Mesra” adalah merupakan amalan kakitangan dan gerak kerja organisasi yang dilakukan oleh MAIS itu sendiri. Apabila semua ini dilakukan dan terdapat pada kakitangan serta organisasi, matlamat pada visi MAIS iaitu “...Ke Arah Mendapatkan Keredaan Allah” akan menjadi lebih fokus untuk dicapai oleh MAIS.

---

<sup>8</sup> Lihat huraian terperinci berkaitan Falsafah *Tazkiyah* dalam Pengurusan Islam pada Bab 2, 72.

Falsafah *tazkiyah* pada maksud penyucian persekitaran pula dilihat melalui misi MAIS iaitu ‘Pembangunan Ummah Melalui Pembentukan Masyarakat Berilmu, Beramal, Beriman dan Berakhhlak, Ekonomi Yang Perkasa, Usaha-Usaha Dakwah Yang Berkesan, Pengurusan Harta Yang Cekap dan Institusi Agama Yang Proaktif’. Melalui misi MAIS ini, pembentukan akhlak mulia yang digariskan pada misi tersebut adalah salah satu perkara yang ditekankan dalam usaha membangunkan ummah. Oleh itu, bagi mencapai perkara tersebut, MAIS telah dan perlu melaksanakan perkara yang berteraskan akhlak mulia dalam setiap urusan yang dilakukan berhubung dengan persekitaran termasuklah masyarakat sebagai ummah bagi mencapai maksud tersebut. Salah satu usaha MAIS adalah melalui pewujudan SWS itu sendiri. Ini dilihat apabila amalan berwakaf melalui saham wakaf ini akan membentuk jiwa dan diri yang bersih dan mulia terhadap masyarakat. Dengan sifat dan akhlak yang mulia terdapat pada masyarakat akan menimbulkan sikap saling bantu-membantu sebagai salah satu tujuan pensyariatan ibadah wakaf itu sendiri.

Akhirnya, dapatlah dirumuskan bahawa, ketiga-tiga falsafah Pengurusan Islam iaitu falsafah tauhid, falsafah khalifah dan falsafah *tazkiyah* itu terdapat pada urusan di MAIS. Apabila adanya ketiga-tiga falsafah ini, ia akan menentukan corak dan cara bekerja demi mencapai visi dan misi MAIS itu sendiri.

#### **4.3      Analisis Pelaksanaan SWS Berdasarkan Fungsi Pengurusan Islam**

Dalam perkara ini pula, fungsi pengurusan Islam yang dimaksudkan pengkaji adalah berkaitan perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, perjawatan dan pengawalan seperti yang telah diterangkan di dalam Bab 2 sebelum ini.<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> Lihaturaian terperinci berkaitan Fungsi dalam Pengurusan Islam di Bab 2, 72.

#### **4.3.1 Perancangan Dalam Pelaksanaan SWS**

Perancangan difahami sebagai mendefinisikan matlamat organisasi dan mengemukakan cara untuk mencapai rancangan sesuatu pengurusan. Didapati bahawa MAIS melalui Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan SWS telah membahagikan perancangan gerak kerja berkaitan kepada dua, iaitu perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang.<sup>10</sup>

Bagi perancangan jangka pendek, PWS telah menetapkan tempoh antara tahun 2012 hingga tahun 2015 dengan mensasarkan beberapa perkara yang perlu dilaksanakan dan dicapai. Dalam tempoh 3 tahun tersebut pihak pengurusan PWS telah memfokuskan kepada aspek promosi PWS sebagai agensi yang menguruskan wakaf di Negeri Selangor termasuklah pelaksanaan saham wakaf. Perkara ini adalah seperti mana yang dikatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS sendiri :

“Kami menetapkan 2015 seluruh penduduk di Negeri Selangor ini telah mengetahui tentang Perbadanan Wakaf Selangor itu apakah dia dan produk-produk yang kami ada berpandukan halangan-halangan yang saya katakan tadi. Dalam masa tiga tahun kami *target* seluruh rakyat Negeri Selangor dan tahu apakah dia PWS dan juga produk-produk yang kami ada.”<sup>11</sup>

Bagi merealisasikan perancangan jangka pendek, PWS telah memberi penekanan kepada program penerangan berkaitan SWS dan cara-cara menyertainya. Terdapat program yang dilaksanakan sepanjang tahun seperti membuka kaunter

---

<sup>10</sup>Berdasarkan temubual dengan Abu Bakar bin Yang (Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>11</sup> Abu Bakar bin Yang (Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

pertanyaan dan pameran SWS serta program yang dilaksanakan mengikut bulan-bulan tertentu seperti pada bulan Rejab, Syaaban dan Ramadhan. Antara program-program yang dijalankan pada bulan-bulan tertentu tersebut adalah seperti Pelancaran Bulan Wakaf Selangor, wacana, forum dan mimbar wakaf (khutbah berkaitan wakaf). Program-program berkaitan seperti dalam Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1 – Program-program Penerangan SWS.<sup>12</sup>

Bil.	Aktiviti	Catatan
1.	Kaunter penerangan di masjid dan tempat awam terpilih	Sepanjang tahun
2.	Kaunter dan Pameran di lokasi yang ditawarkan	Sepanjang tahun
3.	“Pelancaran Bulan Wakaf”	Pada bulan Rejab, Syaaban dan Ramadhan setiap tahun
4.	Iklan di Radio Sinar FM	Sepanjang “Bulan Wakaf”
5.	Wacana Wakaf Membangun Ummah	Sepanjang “Bulan Wakaf”
6.	Forum Perdana Khas Wakaf di daerah seluruh Negeri Selangor	Sepanjang “Bulan Wakaf”
7.	Santai Bersama Ustaz	Sepanjang “Bulan Wakaf”
8.	Mimbar Wakaf	Sepanjang “Bulan Wakaf”

Dalam masa yang sama PWS turut membangunkan projek-projek menggunakan dana saham wakaf sebagai perintis kepada projek-projek yang lebih besar yang bakal dilakukan pada masa-masa akan datang. Dengan terlaksananya projek-projek ini, akan memperlihatkan daripada kutipan SWS ini yang telah diuruskan dan digunakan berdasarkan manfaat yang diinginkan oleh para pewakaf.

---

<sup>12</sup> Laman web [www.wakafselangor.gov.my](http://www.wakafselangor.gov.my), dicapai 18 Julai 2012.

Antara projek-projek yang sedang dalam pembinaan hasil daripada dana SWS adalah seperti pembinaan madrasah dan masjid (Jadual 4.2).

Jadual 4.2 – Projek-projek Pembangunan Hasil Dana SWS.<sup>13</sup>

Bil.	Projek	Kos Perbelanjaan
1.	Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum, Hulu Langat.	RM 25 juta
2.	Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong.	RM 24 Juta

Dari segi perancangan jangka panjang pula, PWS telah mensasarkan tempoh bermula dari tahun 2015 hingga seterusnya. Sepanjang tempoh tersebut, PWS berhasrat untuk membangunkan sepenuhnya harta wakaf dengan menggunakan dana saham wakaf yang telah disumbangkan oleh masyarakat Islam. Ketua Pegawai Eksekutif PWS telah mengulas lanjut berhubung perkara ini :

“Selepas 2015, memang kami pula *target* untuk pembangunan tanah dan pembangunan sepenuhnya sama ada tanah atau saham yang diberikan kepada kami atau pun produk-produk kerana kami juga minta bahagian-bahagian syarikat korporat yang mereka hendak berwakaf bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit malah saham mereka dan dalam bentuk keuntungan perniagaan mereka. Jadi selepas 2015, fokus kami adalah untuk membangunkan seluruh produk-produk yang kami susun dan seterusnya pembangunan sepenuhnya.”<sup>14</sup>

Dalam tempoh itu juga, PWS mensasarkan untuk mendapatkan syarikat-syarikat korporat atau individu yang ingin mewakafkan keuntungan perniagaan mereka dan bersama-sama membangunkan produk dan pembangunan dari hasil dana

<sup>13</sup> Buletin Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS, “Projek Dalam Binaan” (Shah Alam: PWS, 2012), 13.

<sup>14</sup> Abu Bakar bin Yang (Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

wakaf tersebut. Ketika itu, PWS mengharapkan masyarakat Islam telah memahami konsep wakaf yang mana ia bukan sahaja tertumpu kepada amalan-amalan ibadah khusus sahaja seperti pembinaan masjid, pembinaan surau dan penyediaan tapak kubur. Malah dana SWS tersebut dapat dikembangkan bagi meningkatkan ekonomi umat Islam dan seterusnya memartabatkan umat Islam melalui perolehan aset-aset yang banyak dan bernilai. Secara tidak langsung, apabila perancangan ini dapat dicapai, umat Islam akan memperolehi manfaat yang lebih besar dalam amalan berwakaf yang dilakukan oleh mereka sendiri. Bukan itu sahaja, malah ia turut akan memperkuuhkan pegangan harta umat Islam ketika itu.

Secara keseluruhannya, fokus perancangan jangka pendek dan jangka panjang PWS terhadap SWS ini tertumpu kepada dua aspek iaitu pembangunan minda dan pembangunan produk. Perancangan jangka pendek lebih tertumpu kepada pembangunan minda masyarakat Islam di Negeri Selangor berhubung SWS. Dalam tempoh itu, apa yang dilakukan adalah tertumpu kepada memberi kefahaman dan ilmu pengetahuan berkaitan SWS. Segala program yang dijalankan bermatlamat agar masyarakat Islam akan menerima konsep wakaf melalui wang tunai ini seperti konsep wakaf sedia ada yang telah diamalkan. Cuma apa yang menjadi masalah dan cabaran kepada PWS dalam memberi penerangan SWS ini adalah berkaitan tindakan susulan kepada pihak-pihak yang telah diberi penerangan tersebut, sama ada mereka menerima maklumat seterusnya berminat untuk menyertai SWS ataupun tidak. Ini kerana, didapati di sesetengah tempat, pihak yang menjadi sasaran seolah-olah tidak mempunyai gambaran langsung berkaitan SWS ini dan mereka seolah-olah kurang mengetahui latar belakang dan kewujudan PWS<sup>15</sup>. Masalah ini lebih ketara kerana

---

<sup>15</sup> Berdasarkan temubual dengan Anuar Hamzah bin Tohar (Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 9.30 pagi, bertarikh 1 Ogos 2012.

dalam pemerhatian pengkaji, PWS tidak mempunyai satu sistem maklum balas pelanggan dan pangkalan data yang tersusun dan sistemetik yang dapat menghubungkan antara PWS dengan pelanggan yang berurusan. Oleh itu, sekiranya ada sistem yang diwujudkan, ia mampu untuk berlakunya intraksi antara kedua-dua belah pihak dalam mendapatkan maklumat berkaitan.

Manakala perancangan jangka panjang pula lebih fokus kepada pembangunan produk SWS itu sendiri. Ini akan berlaku apabila SWS itu telah diterima untuk diamalkan dan menjadi salah satu sumber kebajikan dan ekonomi umat Islam khususnya di Negeri Selangor. Cuma dalam perancangan jangka panjang ini, pada pandangan pengkaji, PWS tidak ada menetapkan tempoh masa yang tertentu untuk dicapai. Ini akan menyukarkan kepada PWS menilai perancangan jangka panjangnya kelak. Sekiranya perancangan jangka panjang PWS berhubung SWS ini turut ditentukan, pelaksanaan SWS ini akan lebih terarah.

Kesimpulannya, dalam perancangan pelaksanaan saham wakaf didapati bahawa PWS telah meletakkan fokus tertentu dan sasaran tempoh masa yang hendak dicapai. Ia juga lebih berkesan sekiranya PWS mempunyai tempoh perancangan jangka panjang yang ditentukan. Akhirnya, kedua-dua fokus dan tempoh masa tersebut amat penting kepada keberkesanan pelaksanaan SWS.

#### **4.3.2 Pengorganisasian Dalam Pengurusan SWS**

Pengorganisasian umumnya adalah perkara berkaitan penstrukturran ahli-ahli dalam organisasi bagi mencapai matlamat organisasi.<sup>16</sup> Ia penting bagi memastikan organisasi yang wujud mampu untuk melaksanakan segala peranan dan fungsi yang telah ditetapkan.

---

<sup>16</sup> Lihat huraian terperinci berkaitan Fungsi Pengorganisasian dalam Pengurusan Islam di Bab 2, 77.

Bagi pelaksanaan SWS, penstrukturkan organisasi di PWS telah menunjukkan penyusunan yang jelas dan mampu untuk menguruskan SWS tersebut.<sup>17</sup> Struktur organisasi PWS bermula dari pihak tertinggi yang terdiri daripada Pengerusi Lembaga Tadbir, Ahli Lembaga Tadbir dan Ketua Pegawai Eksekutif. Mereka bertindak selaku perancang dan pembentuk dasar di PWS. Kemudian diikuti dengan ketua-ketua bahagian yang bertanggungjawab dari segi pengoperasian yang menggerakkan segala rancangan yang telah diatur. Seterusnya, PWS telah menyusun kakitangan sokongan seperti penolong pegawai, pembantu tadbir, pembantu pembangunan dan jawatan-jawatan sokongan lain yang membantu segala gerak kerja yang terdapat di PWS. Dengan susunan yang jelas dan teratur ini, urusan SWS dapat diuruskan berlandaskan hairarki yang ada.

Daripada susunan struktur organisasi yang diwujudkan juga dapat dilihat bahawa penugasan yang dilakukan adalah mengikut autoriti yang ada kepada setiap jawatan. Sebagai contoh, kepimpinan atasan yang terdiri daripada Pengerusi Lembaga Tadbir, Ahli Lembaga Tadbir dan Ketua Pegawai Eksekutif seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah merupakan perancang dan pembentuk dasar. Merekalah yang akan menentukan hala tuju kepada PWS itu sendiri. Manakala ketua-ketua bahagian pula, autoriti mereka adalah dalam menggerakkan perancangan dan dasar-dasar yang ditentukan dengan bantuan dari kakitangan sokongan yang telah diwujudkan. Dengan penugasan yang jelas ini telah memberikan kemudahan setiap peringkat dalam memastikan pengoperasian PWS berjalan dengan lancar dan berkesan.

---

<sup>17</sup> Lihat Carta Organisasi PWS di Bab 3, 112.

Selain susunan struktur dan tugas melalui autoriti yang diwujudkan, seterusnya perkara penting dalam pengorganisasian PWS adalah hubungan antara setiap peringkat. Ini dapat dilihat melalui tanggungjawab yang diberikan dalam melaksanakan tugas yang telah ditentukan. Setiap peringkat dalam organisasi akan berhubung antara satu sama lain dalam memastikan setiap tugas agar dapat berjalan dengan baik. Perhubungan yang dimaksudkan termasuklah dengan cara berkomunikasi, pelaksanaan bersama kerja-kerja yang dirancang dan bentuk-bentuk arahan lain yang sesuai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Secara langsungnya akan wujud keseragaman dan pelaksanaan bersama dalam mencapai hala tuju yang telah ditentukan oleh organisasi.

Kesimpulannya, didapati fungsi pengorganisasian yang terdiri daripada elemen penyusunan struktur organisasi, autoriti (hairarki) dan hubungan setiap peringkat jawatan dalam pelaksanaan SWS telah diwujudkan dan disusun dengan baik. Ini cukup penting bagi mencapai tujuan dan matlamat organisasi. Dengan wujudnya fungsi pengorganisasian yang kemas ini, dapat membantu dalam melaksanakan tanggungjawab termasuk menguruskan pelaksanaan SWS dengan lebih berkesan.

#### **4.3.3 Perjawatan Dalam Pelaksanaan SWS**

Perjawatan dalam sesebuah organisasi amat penting terutama dalam membentuk organisasi yang mantap. Antara perkara-perkara yang berkaitan dengan perjawatan adalah mencakupi soal-soal pelantikan, penentuan bidang tugas, latihan dan perkara-perkara berkaitan kakitangan sejak mula ia dilantik hingga ke pekerja itu bersara.<sup>18</sup>

---

<sup>18</sup> Lihaturaian berkaitan Fungsi Perjawatan dalam Pengurusan Islam di Bab 2, 79.

Dari segi pelantikan, didapati bahawa PWS telah melantik pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman untuk menjalankan tugas yang diatur dan disusun. Perkara ini dinyatakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS :

“Pengambilan pekerja itu, kami buat serampang dua mata ... Kami juga melihat pengalaman-pengalaman mereka pada perkara berkaitan.”<sup>19</sup>

PWS melihat perkara ini dari awal pengambilan kakitangan lagi agar apa yang dirancang akan tercapai. Dalam memilih kakitangan untuk menerajui tugas di PWS, pihak pengurusan akan melihat latar belakang individu yang akan dipanggil temu duga dengan memberi penekanan kepada individu yang mempunyai pengalaman yang berkaitan. Hasil daripada pemilihan sedemikian, individu yang terpilih bukan sahaja mampu melaksanakan satu tugas sahaja, malah mampu untuk melaksanakan tugas-tugas yang lain apabila diperlukan oleh organisasi. Sebagai contoh, untuk jawatan Pembantu Pembangunan, pihak pengurusan telah mengambil individu yang bukan sahaja mampu untuk melaksanakan perancangan pembangunan sahaja, tetapi individu tersebut juga mampu untuk melaksanakan tugas lain seperti mengukur tanah dan sebagainya. Dengan menggunakan pengalaman pegawai yang dilantik tersebut, PWS percaya kos dapat dikurangkan di mana pegawai tersebut turut dapat melaksanakan tugas mengukur tanah di samping tugas merancang pembangunan tanah wakaf. Kedua-dua tugas tersebut juga mempunyai kaitan dan saling memerlukan antara satu sama lain untuk merancang pembangunan tanah wakaf.<sup>20</sup>

---

<sup>19</sup> Abu Bakar bin Yang (Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>20</sup> Berdasarkan temubual dengan Abu Bakar bin Yang (Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

Berhubung dengan penugasan kepada kakitangan di PWS khusus berkaitan SWS pula, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa tidak semestinya setiap kakitangan itu perlu ada latar belakang agama dan mahir untuk menyampaikan ceramah. Contohnya sekiranya ada 10 orang kakitangan, hanya 5 orang sahaja yang perlu untuk tujuan itu, manakala yang 5 orang lagi akan menyusun strategi program-program sokongan yang lain. Perkara ini dirujuk sepertimana yang diperkatakan oleh Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, PWS:

“Seseorang pegawai bukan memerlukan kemahiran berceramah sahaja. Contoh dari 10 orang, mungkin 5 orang sahaja yang diperlukan untuk tujuan itu. Maka yang lain itu akan menyusun strategi untuk program-program sokongan yang lain.”<sup>21</sup>

Pembahagian tugas ini penting bagi memastikan pelaksanaan SWS dapat berjalan dengan baik dan berkesan termasuklah berkaitan dengan memberi penerangan berkaitan SWS. Cuma apa yang menjadi masalah dan cabaran dalam penugasan kakitangan di PWS ini adalah berkaitan bebanan tugas yang dihadapi oleh kakitangan dalam pelaksanaan SWS. Sebagai contoh kakitangan Bahagian Dakwah dan Pemasaran PWS dalam melaksanakan tugas yang ditetapkan iaitu memberi penerangan berkaitan SWS dan dalam masa yang sama perlu menyediakan Laporan Kewangan SWS yang perlu diserahkan dua kali dalam satu bulan kepada MAIS melalui Bahagian Kewangan PWS. Ini berlaku apabila setiap tugas itu perlu dilakukan oleh pegawai yang sama. Selain itu juga, ia menjadi masalah juga apabila kemudahan yang disediakan juga tidak dapat membantu pegawai melaksanakan tugas dengan lancar kerana terdapatnya masalah sistem talian berkomputer terlalu

---

<sup>21</sup> Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

sibuk apabila ia turut digunakan oleh pihak-pihak lain untuk menyediakan laporan dan menyerahkannya dalam masa dan waktu yang sama.<sup>22</sup>

Manakala dalam perkara berhubung latihan, pihak pengurusan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan ilmu semasa mengenai SWS kepada kakitangan. Perkara ini dilakukan dengan melibatkan kakitangan dengan kursus-kursus, bengkel-bengkel dan seminar-seminar berkaitan untuk memberi input-input yang diperlukan. Selain itu juga, PWS turut mengadakan bengkel dalaman bagi membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan SWS ini (Gambar 4.1).

Gambar 4.1 – Bengkel dalaman untuk kakitangan PWS.



Sumber : Arkib PWS.

Ini bertujuan bagi memberi maklumat-maklumat semasa berkaitan pelaksanaan SWS di samping membuat persediaan kepada kakitangan sebelum bertemu dengan masyarakat yang inginkan maklumat-maklumat berkaitan SWS. Oleh itu, apabila bengkel sebegini dilakukan, kakitangan mampu menerangkan sejelas-jelasnya termasuklah perkara yang hubung produk-produk yang disediakan oleh PWS yang

<sup>22</sup> Berdasarkan temubual dengan Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan PWS, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 9.30 pagi, bertarikh 1 Ogos 2012.

berkaitan dengan SWS ini<sup>23</sup>. Hal ini telah ditegaskan oleh Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, PWS melalui kata-kata beliau :

“Kami juga akan memberi kursus yang diperlukan seperti kursus pemasaran dan kesedaran serta kefahaman pada tugas yang dijalankan oleh mereka. Masalah juga timbul apabila masyarakat bertanyakan isu-isu berkaitan wakaf”<sup>24</sup>

Masalah dan cabaran yang dihadapi kakitangan PWS dalam pelaksanaan SWS ini berhubung dengan penyebaran maklumat SWS ini adalah kurang kemahiran komunikasi. Perkara ini akan lebih menjadi masalah kepada kakitangan apabila masa yang diperuntukkan untuk memberi penjelasan itu terlalu singkat, sedangkan maklumat yang sebenar-benarnya masih belum cukup untuk memahami SWS tersebut kepada kumpulan sasar.<sup>25</sup>

Dari segi kebijakan didapati pihak pengurusan sentiasa menitik beratkan terhadap kakitangan PWS. Contohnya perkara ini seperti yang ditegaskan oleh Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan PWS dalam kata-kata beliau :

“Kita juga telah naikkan 13% pada tahun ini sebagai motivasi”<sup>26</sup>

Ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan PWS sentiasa memikirkan kebijakan kakitangannya termasuklah pemberian kenaikan gaji tiga belas peratus kepada

---

<sup>23</sup> Berdasarkan temubual dengan Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>24</sup> Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>25</sup> Berdasarkan temu bual dengan Anuar Hamzah bin Tohar (Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 1 Ogos 2012.

<sup>26</sup> Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

kakitangannya. Perkara sebegini juga amat penting bagi memberi motivasi dan penghargaan kepada kakitangan yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan pelaksanaan SWS dapat berjalan lancar di PWS.

Dalam membantu kakitangan menjalankan tanggungjawab mereka pula, antara keperluan dan kemudahan yang disediakan termasuklah kelengkapan pejabat seperti komputer dan alat cetak, alat bantuan untuk melaksanakan penerangan seperti bahan terbitan bercetak, kerusi meja dan lain-lain, kenderaan untuk urusan berkaitan, kuasa memandu kenderaan tersebut kepada kakitangan berkaitan serta meningkatkan sistem berkomputer bagi memudahkan pelaksanaan tugas. Cuma dalam pemerhatian didapati ruang pejabat yang disediakan untuk menggerakkan operasi agak sempit dan memerlukan ruang-ruang tambahan bagi memberi keselesaan dalam melaksanakan urusan-urusan berkaitan SWS.<sup>27</sup>

Kesimpulannya, didapati pihak MAIS telah mengambil berat perkara berkaitan perjawatan dalam organisasinya termasuklah dalam perkara berkaitan pelaksanaan SWS. Ini dilakukan oleh PWS kerana untuk memastikan setiap fungsi yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

#### **4.3.4 Kepimpinan Dalam Pelaksanaan SWS**

Kepimpinan yang dimaksudkan adalah gaya seseorang pemimpin di dalam menerajui sesebuah organisasi. Seorang pemimpin bukan sahaja perlu memberi arahan, tetapi pemimpin perlu mempengaruhi pekerja untuk melakukan kerja-kerja

---

<sup>27</sup> Berdasarkan temubual dengan Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

yang perlu dilakukan dan mewujudkan suasana kerja yang baik agar mereka dapat menyumbang tenaga dengan sebaik-baiknya.<sup>28</sup>

Didapati bahawa antara ciri-ciri yang dimiliki oleh pimpinan atasan PWS yang menyumbang kepada keberkesanan pengurusan SWS ialah toleransi, bertanggungjawab dan menjadi *role model* kepada kakitangan.<sup>29</sup> Ini telah dinyatakan oleh Eksekutif Sumber Manusia PWS :

“Pihak pengurusan atasan membuka ruang dan menunjukkan sikap yang baik kepada kakitangan. Mereka mengambil maklum setiap urusan berjalan dan sentiasa turun memantau setiap program yang kami jalankan. Mereka pun tidak mudah menggunakan kuasa yang ada untuk menekan kakitangan kadang kala mereka turut memberi kata perangsang untuk kakitangan melaksanakan tugas dengan baik. Pihak atasan juga menunjukkan *role model* yang baik seperti mengamalkan solat *dhuha*, baca al-Quran dan sama-sama bagi tazkirah kami adakan pada setiap Jumaat. Kami rasa mesra dengan pihak atasan dengan ada suasana sebegini”<sup>30</sup>

Sikap toleransi barisan kepimpinan di PWS terserah seperti apabila mereka membuka ruang untuk berbincang dan menerima pandangan kakitangan sebagai salah satu sumber dalam membuat keputusan. Sebagai contoh, komunikasi antara kepimpinan tertinggi dan kakitangan PWS telah berjalan dengan baik. Perbincangan sentiasa diadakan pada setiap peringkat iaitu di peringkat Pengerusi Lembaga Tadbir bersama kakitangan, peringkat Ketua Pegawai Eksekutif dengan bahagian-bahagian dan peringkat ketua bahagian bersama kakitangan bawahan. Perjumpaan yang

<sup>28</sup>Lihaturaian terperinci berkaitan Fungsi Kepimpinan dalam Pengurusan Islam di Bab 2, 75.

<sup>29</sup>Berdasar temubual dengan Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, PWS, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>30</sup>Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, PWS, MAIS) dalam temu- bual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

diadakan juga tidak lama iaitu tidak melebihi tempoh 2 jam pada sesekali pertemuan. Melalui komunikasi kakitangan bawahan kepada kepimpinan pula tidak mempunyai masalah, malah kakitangan bawahan sentiasa memerlukan pegawai atasan untuk memberi sokongan kepada mereka<sup>31</sup> (Gambar 4.2).

Gambar 4.2 - Komunikasi dua hala di PWS.



Sumber : Arkib PWS.

Sikap toleransi ini amat penting kerana melalui toleransi antara kepimpinan dan kakitangan bawahan dapat memudahkan kakitangan PWS merancang seterusnya melaksanakan tugas berkaitan SWS.

Seterusnya sikap ambil tahu terhadap setiap pelaksanaan perancangan yang telah dibuat juga adalah menunjukkan kebertanggungjawaban yang ada pada kepimpinan PWS. Contohnya, pihak kepimpinan PWS juga kadangkala turun padang dan memantau program-program yang dijalankan tanpa membiarkan program-program tersebut dilaksanakan sendiri oleh kakitangan bawahan. Malah, ketika program-program dijalankan, kepimpinan PWS juga turut memberi pandangan dan kata semangat agar program yang sedang dijalankan dapat diuruskan dengan

<sup>31</sup>Berdasar temubual dengan Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, PWS, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

jayanya.<sup>32</sup> Melalui sikap bertanggungjawab yang ada pada kepimpinan PWS ini akan memberi kesan kepada kakitangan bawahan bahawa mereka sentiasa dihargai dan merasakan kewujudan mereka begitu penting dalam organisasi PWS.

Seterusnya kepimpinan PWS juga telah menunjukkan *role model* atau contoh terbaik kepada kakitangan. Selain memberi komitmen yang tinggi terhadap tanggungjawab, mereka juga turut mengamalkan amalan-amalan tertentu yang boleh dijadikan ikutan oleh kakitangan. Antara amalan-amalan yang dilakukan adalah seperti solat *dhuha*, membaca al-Quran dan memberi tazkirah pada setiap hari Jumaat pada perjumpaan bersama kakitangan.<sup>33</sup> *Role model* yang ditunjukkan oleh kepimpinan PWS ini adalah satu sikap yang amat baik dan penting kepada kakitangan. Ia bukan sahaja boleh dijadikan ikutan kepada kakitangan, malah contoh-contoh amalan yang dilakukan tersebut boleh meningkatkan kualiti diri kakitangan terutama dalam memperteguhkan diri dalam melaksanakan pengurusan berkaitan SWS yang penuh dengan cabaran ini.

Oleh itu, jika semua ciri ini ada pada pengurusan tertinggi PWS, ditambah pula dengan hubungan baik dan akrab sesama kakitangan bawahannya, fungsi kepimpinan yang diperlukan iaitu memberi arahan, mempengaruhi pekerja dan mewujudkan suasana kerja yang baik di PWS dapat direalisasikan. Cuma hasil maklumat yang diperolehi, didapati di PWS tidak mempunyai forum khas untuk membincangkan tentang kebajikan kakitangan dengan lebih khusus seperti Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang dilakukan oleh agensi-sgensi kerajaan. Sekiranya ruang tersebut dapat disediakan, tindakan yang lebih formal dapat dilakukan antara pihak kepimpinan dan kakitangan di PWS.

---

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

Akhirnya, kesemua ciri-ciri yang dimiliki oleh kepimpinan tertinggi PWS ini turut memberi kesan yang besar terutama kepada kakitangan sokongan untuk dijadikan motivasi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka termasuklah berkaitan pelaksanaan SWS itu sendiri.

#### **4.3.5 Pengawalan Dalam Pelaksanaan SWS**

Seperti yang telah dihuraikan di dalam bab 2 yang lalu, antara tujuan pengawalan dalam fungsi pengurusan Islam adalah bagi memastikan pelaksanaan gerak kerja mengikut jadual, mengenal pasti kelemahan dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan dalam urusan berkaitan. Dalam pengurusan Islam, terdapat dua jenis kawalan yang dilakukan iaitu kawalan kendiri dan kawalan dalam pengurusan serta pentadbiran.<sup>34</sup>

Di PWS dalam melaksanakan SWS ini, kedua-dua jenis kawalan seperti dalam pengurusan Islam iaitu kawalan kendiri dan kawalan dalam pengurusan serta pentadbiran telah dilakukan. Berhubung dengan kawalan kendiri yang dilakukan dapat dilihat kepada dua pihak iaitu dari pihak pengurusan dan pihak pekerja sendiri. Pengawalan kendiri dari pihak pengurusan dapat dilihat melalui pewujudan beberapa perkara seperti etika kerja, peraturan-peraturan pentadbiran seperti sistem perakam waktu dan waktu kerja anjal dan lain-lain. Pihak pengurusan PWS juga sentiasa memberi peringatan dan teguran apabila berlaku kesalahan di samping mengadakan perbincangan antara pihak pengurusan dan kakitangan-kakitangan yang bermasalah. Ia disusuli pula dengan program-program tertentu seperti tazkirah, kursus pembangunan insan dan kursus motivasi. Segala perkara yang dilakukan oleh pihak pengurusan ini adalah merupakan usaha-usaha ke arah mengawal kendiri kakitangan

---

<sup>34</sup> Lihat huraian terperinci erti Fungsi Kawalan dalam Pengurusan Islam di Bab 2, 83.

yang terdapat di PWS. Dengan adanya perkara-perkara ini menunjukkan terdapatnya usaha-usaha kawalan yang telah dilakukan oleh pihak pengurusan PWS. Seterusnya, bagi pihak kakitangan, apabila terdapatnya usaha-usaha oleh pihak pengurusan PWS iaitu dengan mewujudkan perkara-perkara ke arah pengawalan kendiri kepada kakitangan ini, secara tidak langsung akan wujudnya tindak balas dari kakitangan. Mereka berusaha untuk mengawal diri mereka sendiri hasil peringatan dan peraturan yang diwujudkan dengan mengamalkan sikap bertanggungjawab dan beramanah dalam setiap tugas yang telah diberikan. Dengan itu, wujudlah pengawalan kendiri dari pihak kakitangan dalam fungsi pengawalan yang dilakukan oleh PWS.<sup>35</sup>

Dari sudut pengawalan pengurusan serta pentadbiran, didapati dalam pelaksanaan SWS kawalan yang agak ketara dapat dilihat pada perkara berkaitan adalah berhubung dengan pengawalan kewangan. Pengawalan kewangan yang dilakukan pula terdapat terdapat dua bentuk pengawalan iaitu pengawalan pengurusan dan pengawalan kakitangan yang membuat kutipan. Bagi pengawalan pengurusan setiap bulan laporan kewangan berkaitan dana SWS diserahkan terus kepada MAIS. Ketiga-tiga akaun yang ada iaitu akaun wakaf am, wakaf khas dan wakaf korporat akan dikosongkan pada tarikh 5 dan 24 hari bulan pada setiap bulan dengan memindahkan kesemua amaun yang ada ke dalam akaun di MAIS. Perkara ini dilakukan kerana bagi mematuhi prosedur yang telah ditentukan oleh pihak pengurusan MAIS bagi tujuan pemantauan dana SWS.<sup>36</sup> Perkara ini bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, PWS :

---

<sup>35</sup>Berdasar temubual dengan Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, PWS, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>36</sup>Berdasarkan temubual dengan Anuar Hamzah bin Tohar (Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

“Setiap bulan kami akan menyerahkan laporan terus kepada MAIS untuk tujuan pengawalannya. Kutipan wakaf am setiap bulan 2 kali, kami akan kosongkan akaun kami ( hujung bulan dan awal bulan). MAIS akan buat pemantauan dari situ, iaitu akaun wakaf am akan disalurkan kepada MAIS.”<sup>37</sup>

Manakala pengawalan kakitangan yang membuat kutipan SWS, PWS mengadakan kawalan melalui semakan resit yang telah dikeluarkan. Selain itu, semakan resit yang telah dikeluarkan juga turut dibuat terhadap agen-agen yang telah dilantik oleh PWS sama seperti pengawalan yang dibuat ke atas kakitangan yang membuat kutipan SWS. Langkah pengawalan ini diambil untuk mengelak berlakunya penyelewengan di kalangan kakitangan dan agen-agen terbabit<sup>38</sup>. Perkara ini juga adalah seperti yang dikatakan oleh Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, PWS :

“Kami jalankan semakan pada resit tidak nampak berlaku kesalahan. Pada masa yang sama, kami diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan kami berpandangan bahawa proses itu berlaku dengan telus...Maka setakat ini tidak berlaku penyelewengan dan seumpamanya.”<sup>39</sup>

Kesimpulannya, kedua-dua jenis kawalan iaitu kawalan kendiri dan kawalan pengurusan serta pentadbiran telah membantu PWS dalam menguruskan SWS dengan berkesan. Cuma sebagai sistem kawalan juga, hasil pemerhatian pengkaji, PWS tidak mengamalkan sistem pengurusan yang terpiawai seperti Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2008. Melalui penggunaan sistem pengurusan

---

<sup>37</sup> Anuar Hamzah bin Tohar (Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>38</sup> Berdasarkan temubual dengan Anuar Hamzah bin Tohar (Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>39</sup> Anuar Hamzah bin Tohar (Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

yang terpiawai, PWS bukan sahaja mampu untuk mengawal sistem pengurusan yang di jalankan sahaja, tetapi sistem pengurusan yang terpiawai seperti Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2008 telah turut digunakan oleh sesetengah agensi kerajaan dan swasta di negara ini. Sebagai tujuan agar PWS tidak dianggap ketinggalan dan tidak seiring dengan sistem pengurusan terkini, penggunaan sistem pengurusan yang terpiawai adalah perlu untuk dilaksanakan. Akhirnya, hasil dari fungsi kawalan yang dijalankan juga telah menyebabkan organisasi PWS mula mendapat kepercayaan dari masyarakat termasuklah untuk mereka melaksanakan SWS yang telah diwujudkan tersebut.

#### **4.4 Analisis Pelaksanaan SWS Berdasarkan Prinsip Pengurusan Islam**

Prinsip-prinsip yang mendasari pengurusan Islam adalah seperti *al-'ubudiyyah, al-syura, al-'adalah, al-hurriyyah, amal-jamā'iy* dan *al-amānah* seperti yang telah dibincangkan dalam bab 2 sebelum ini.<sup>40</sup>

Dalam pelaksanaan SWS oleh PWS, terdapat beberapa prinsip yang dipegang dan jelas diamalkan dalam pengurusan SWS. Antara prinsip-prinsip itu adalah *al-'ubudiyyah, al-syura, al-'adalah* dan *amal jamā'iy*. Walau bagaimanapun prinsip-prinsip yang lain juga turut diamalkan secara tidak langsung sebagai pengukuhan antara satu sama lain.

Prinsip *al-'ubudiyyah* adalah merujuk kepada melaksanakan sesuatu dengan niat kerana pengabdian diri kepada Allah s.w.t.. Pemakaian prinsip ini boleh dilihat menerusi petikan visi MAIS iaitu “... Ke Arah Mendapatkan Keredaan Allah”<sup>41</sup> sebagai halatuju utama setiap urusan yang dilakukan dan termasuklah pelaksanaan

---

<sup>40</sup>Lihaturaian secara terperinci Prinsip-prinsip Pengurusan Islam di Bab 2, 87.

<sup>41</sup>Lihat Visi MAIS pada Bab 3, 109.

SWS. Dengan ketetapan halatuju tersebut, setiap yang dilakukan oleh MAIS perlu membawa kepada tujuan peribadatan kepada Allah s.w.t.. Seterusnya, bagi menjamin segala urusan pelaksanaan SWS ini dikira sebagai ibadah, setiap tindakan yang dijalankan perlu dipastikan ia dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syarak. Sebagai contoh, pelaksanaan SWS ini perlu mengikut segala rukun, syarat dan tatacara yang telah ditetapkan oleh syarak. Ini bagi memastikan saham wakaf yang dilakukan menepati kehendak syariat yang sebenar. Selain itu, kakitangan yang melaksanakan tugas juga dipastikan memahami kehendak dalam pengamalan berwakaf itu sendiri. Akhirnya, wakaf yang merupakan ibadah tersebut akan benar-benar terlaksana, mendapat ganjaran dan seterusnya diterima sebagai salah satu ibadah yang dilakukan oleh hamba untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Selain prinsip *al-'ubudiyah*, prinsip *al-syura* yang merujuk kepada amalan bermesyuarat dalam sesuatu perkara turut diamalkan. Ini dapat dilihat apabila pihak atasan sentiasa mengadakan perjumpaan dan mesyuarat dalam melaksanakan tugas dan membuat perancangan serta merungkai permasalahan dalam melaksanakan tanggungjawab oleh kakitangan PWS. Hal ini telah ditegaskan oleh Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan PWS :

“Pengerusi PWS ada mengadakan perjumpaan setiap bulan untuk membincangkan pengurusan pentadbiran, perkembangan staf. CEO pula mengadakan perjumpaan bersama staf setiap minggu begitu juga bahagian-bahagian. Perjumpaan kami tidak perlu ambil masa yang lama seperti dalam tempoh 2 jam sahaja”<sup>42</sup>

---

<sup>42</sup> Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Bahagian Pengurusan, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

Situasi ini memberi gambaran bahawa PWS sememangnya mengamalkan prinsip *al-syura* di dalam urusan dan pelaksanaan SWS.

Prinsip *al-amānah* yang merujuk kepada wajib menunaikan tanggungjawab yang telah ditentukan juga dapat dilihat dengan jelas pada pengurusan SWS. Ia merupakan prinsip asas operasi PWS sebagai agensi yang menggerakkan urusan wakaf termasuk pelaksanaan SWS. Apabila menerima tugas sebagai pihak yang bertanggungjawab pada urusan wakaf di MAIS, pihak pengurusan PWS telah melaksanakan beberapa perkara asas dalam pengurusan berkaitan termasuklah membangunkan segala keperluan dan kekuatan yang diperlukan untuk menggerakkan kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan. Perkara tersebut termasuklah perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, perjawatan dan pengawalan yang merupakan fungsi pengurusan seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Aplikasi fungsi-fungsi ini merupakan salah satu contoh aplikasi prinsip *al-amānah* oleh pihak pengurusan PWS. Ia perlu diletakkan sebagai salah satu moto utama dalam menggerakkan setiap pengurusan termasuklah dalam pelaksanaan SWS. Contoh yang lain bagi prinsip *al-amānah* ini boleh dilihat menerusi pelaksanaan urusan-urusan berkaitan saham wakaf, seperti dalam kutipan sejumlah wang tunai itu sendiri melalui pewakaf-pewakaf yang ingin berwakaf. Ketika kutipan itu dijalankan, salah satu sifat yang perlu ada adalah *al-amānah*. Ini kerana, sekiranya dilihat secara kasar, terdapat ruang-ruang yang membolehkan berlakunya penyelewengan dalam kutipan tersebut. Namun, dengan adanya prinsip *al-amānah* yang menjadi asas dalam urusan kerja menyebabkan perkara negatif tersebut dapat dihindarkan oleh kakitangan PWS. Perkara ini telah diakui oleh Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah PWS seperti ujar beliau :

“Tapi kalau berlaku pun (penyelewengan) mungkin ketika pegawai menerima tunai saham wakaf tersebut. Tetapi apabila kami jalankan semakan pada resit tidak nampak berlaku kesalahan.”<sup>43</sup>

Untuk itu juga, etika kerja MAIS iaitu “Amanah, Prihatin dan Mesra” juga telah meletakkan “Amanah..” sebagai etika yang perlu diamalkan dalam pengurusan organisasinya termasuklah kepada PWS sebagai salah satu agensi di bawah naungannya.

Selain itu, terdapat juga prinsip *amal jama’iy* atau kerja berpasukan dalam pelaksanaan SWS ini. Ini dapat dilihat berdasarkan program-program yang dirancang di mana setiap kakitangan akan bersama-sama turun untuk melaksanakan tugas dan fungsi masing-masing. Setiap perancangan yang disusun juga akan dilaksanakan bersama-sama. Sebagai contoh yang berlaku dalam satu-satu program yang dianjurkan, pegawai menyampaikan ceramah, manakala kakitangan bawahan pula menguruskan tugas-tugas sokongan yang lain. Perkara ini seperti yang dikatakan oleh Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan PWS :

“Kakitangan bawahan akan perlukan kerja secara berkumpulan dan mereka akan susun program-program yang dijalankan sahaja seperti PR dengan orang awam. Apabila berceramah kita akan bawa pegawai-pegawai...Hasil daripada ini, contohnya perancangan kakitangan ini untuk bulan Ramadhan akan datang ini sudah penuh dan tersusun rapi. Ini lah semangat dan kesanggupan mereka bekerja”<sup>44</sup>

---

<sup>43</sup> Anuar Hamzah bin Tohar (Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>44</sup> Mohd. Azmi bin Misron (Eksekutif Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

Kesimpulannya, prinsip-prinsip yang diamalkan dalam pelaksanaan SWS ini telah membantu PWS untuk melaksanakan tanggungjawab yang perlu dijalankan dengan sebaik mungkin. Jika dilihat berdasarkan teoretikal berkaitan prinsip-prinsip pengurusan Islam yang dihuraikan oleh pengkaji dalam bab 2 sebelum ini, hanya 4 prinsip yang agak ketara diamalkan oleh pihak pengurusan yang melaksanakan saham wakaf oleh MAIS iaitu *al-'ubudiyyah*, *al-syura*, *amal jama'iy* dan *al-amānah*. Walau bagaimanapun menurut pemerhatian pengkaji selain empat prinsip yang ketara sebagai amalan tersebut, secara tersiratnya terdapat juga prinsip *al-adalah* dan *al-hurriyyah* yang turut diamalkan. Ini berlaku contohnya adalah ketika penugasan yang diberikan dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti penerangan dan berkaitan pelaksanaan SWS, pihak pengurusan telah meletakkan tanggungjawab yang bersesuaian dengan kemampuan kakitangan untuk melaksanakannya. Begitu juga pada prinsip *al-hurriyyah*, pihak pimpinan MAIS telah memberi ruang kepada kakitangan untuk turut memberi apa jua pandangan dalam hal berkaitan SWS seterusnya turut memberi laluan kepada kakitangan dalam merancang bagi meningkatkan strategi pelaksanaan dan pencapaian saham wakaf tersebut. Cuma apa yang menjadi masalah dan cabaran berkaitan memberi pandangan dari pihak kakitangan adalah kakitangan tidak mempunyai forum yang rasmi untuk menyuarakan pandangan dan kebijakan berkaitan kakitangan. Ini dilihat apabila membuat perbandingan dengan agensi-agensi lain yang mempunyai ruang rasmi tertentu seperti Majlis Bersama Jabatan yang berperanan untuk mendengar permasalahan timbul setiap sudut daripada kakitangan seperti kebijakan, pembangunan insan, kemudahan pejabat dan lain-lain.<sup>45</sup> Walau bagaimanapun,

---

<sup>45</sup> Berdasarkan temubual dengan Anuar Hamzah bin Tohar (Pengurus Bahagian Pemasaran dan Dakwah, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 1 Ogos 2012.

dapatlah dilihat bahawa melalui prinsip-prinsip yang ada ini telah membantu melicinkan gerak kerja pengurusan pelaksanaan SWS.

#### **4.5      Analisis Pelaksanaan SWS Berdasarkan Matlamat Pengurusan Islam**

Matlamat pengurusan Islam adalah bertepatan dengan matlamat syariah Islam untuk memelihara agama, harta, akal, maruah dan keturunan. Tujuannya adalah untuk kebaikan dan kebajikan semua makhluk serta akhirnya dengan harapan akan mendapat keredaan Allah s.w.t..<sup>46</sup>

Dalam pelaksanaan SWS objektifnya adalah menghidupkan amalan wakaf di kalangan masyarakat, memperluaskan penyertaan masyarakat dan menjadikan wakaf sebagai dana kewangan umat Islam<sup>47</sup>. Dari ketiga-tiga objektif SWS ini berhubung langsung dengan dua daripada matlamat syariah iaitu memelihara agama dan memelihara harta.

Dari sudut matlamat pemeliharaan agama, didapati SWS ini diwujudkan untuk menggalakkan umat Islam melakukan ibadah wakaf dengan lebih mudah. Cara berwakaf menggunakan wang tunai yang dibenarkan syarak seperti dibincangkan di dalam bab 2, akan memberi satu kemudahan dan menarik minat umat Islam untuk melaksanakan ibadah wakaf yang merupakan suatu tuntutan agama. Perkara ini seperti yang dimaklumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS :

“Apabila datang kepada Saham Wakaf Selangor, kita buat suatu yang lebih baru, malah dalam bentuk duit pula...Kalau dahulu mereka melihat wakaf boleh diberi tanah, bagi bangunan dan benda-benda yang tak alih, tetapi apabila mereka melihat suatu yang baru dalam

---

<sup>46</sup> Lihat huriahan terperinci berkaitan Matlamat Pengurusan Islam di Bab 2, 94.

<sup>47</sup> Lihat Objektif SWS di Bab 3, 118.

zaman moden ini, jadi mereka merasa satu situasi untuk diterima”<sup>48</sup>

Manakala dari sudut pemeliharaan harta pula, ia boleh dilihat menerusi pembangunan dan pelaburan harta yang dilaksanakan menerusi dana saham wakaf yang disumbangkan oleh umat Islam. Hal ini turut ditegaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PWS :

“Kita akan war-warkan apakah yang kita boleh buat dengan duit wakaf, orang akan bertambah yakin dan satu lagi wakaf am yang ingin kami kembangkan yang akhirnya boleh menjana ekonomi umat Islam. Itu juga sebagai agenda kami.”<sup>49</sup>

Berdasarkan pembangunan dan pelaburan harta yang telah dijalankan tersebut, antara kelebihannya adalah dapat meningkatkan penguasaan harta, dapat dimanfaatkan oleh umat Islam hingga ke generasi yang seterusnya kerana harta wakaf tidak boleh dipindah milik dan dapat meningkat dan menambahkan harta umat Islam itu sendiri. Sebagai contoh pembangunan yang menggunakan dana SWS termasuklah dari segi pembinaan surau, masjid, sekolah dan klinik yang merupakan keperluan masyarakat setempat. Perkara ini juga dapat dilihat menerusi dana SWS yang telah digunakan pada tahun 2006 hingga tahun 2012 yang menunjukkan pemilikan harta umat Islam semakin meningkat. Untuk perincian pembangunan dana SWS, rujuk Jadual 4.3.

---

<sup>48</sup> Abu Bakar bin Yang (Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS) dalam temubual di Pejabat Perbadanan Wakaf Selangor, MAIS di Shah Alam pada pukul 10.30 pagi, bertarikh 21 Jun 2012.

<sup>49</sup> *Ibid.*

Jadual 4.3 – Pembangunan hasil dana SWS dari tahun 2006 hingga 2012.<sup>50</sup>

Bil.	Institusi	Jumlah Dana
1.	Pembinaan bilik mesyuarat, Masjid Kg. Permatang, Kuala Selangor	RM 10,000.00
2.	Pembinaan Surau Taman Dato' Bandar, Klang	RM 10,000.00
3.	Pembinaan Surau At-Taufiqiah, Shah Alam 2	RM 10,000.00
4.	Pembinaan Surau Al-Hidayah, Desa Coalfeid, Sg. Buloh	RM 10,000.00
5.	Pembinaan Surau Al-Muhajirin, Taman Kajang Utama	RM 10,000.00
6.	Pembinaan Surau Taman Alam Nyata, Kapar Klang	RM 10,000.00
7.	Pembinaan Kem Bina Taqwa Bukit Canggang, K. Langat	RM 10,000.00
8.	Pagar surau Sekolah Men. Perempuan Methodist, Klang	RM 4,100.00
9.	Pembinaan Surau An-Nur, Bandar Puteri Klang	RM 10,000.00
10.	Pembinaan Surau Al-Khairiah Bukit Beruntung, Rawang	RM 10,000.00
11.	Program Wakaf Buku SRA Bukit Badong	RM 5,000.00
12.	Pembinaan Surau Darul Makmur, Bukit Kapar	RM 10,000.00
13.	Pembinaan Semula Surau Darul Makmur, Meru	RM 10,000.00
14.	Pembinaan Klinik Wakaf An-Nur Masjid Bandar Baru Sultan Suleiman, Pelabuhan Klang	RM 5,000.00
15.	Pembinaan Klinik Wakaf An-Nur Masjid Jamek Pekan Kajang	RM 5,000.00
16.	Pembinaan Klinik Wakaf An-Nur Masjid Masjid Amaniah, Batu Caves	RM 5,000.00
17.	Pembinaan Klinik Wakaf An-Nur Masjid As-Syakirin, Gombak	RM 5,000.00
18.	Kos Maintenence Kem Bina At-Taqwa	RM 3,200.00
19.	Baik pulih Masjid At-Toyyibin, Tmn. Bidara Selayang	RM 10,000.00
20.	Pembinaan Surau SRA Kg. Kuantan, Klang	RM 10,000.00
21.	Tanah Perkuburan Kariah Masjid Al-Amin Sg. Layar, Sg. Petani	RM 500.00
22.	Pembinaan Surau Sekolah Kebangsaan Meru	RM 10,000.00
23.	Pembinaan Surau Sekolah Men. Sg. Kapar Indah, Klang	RM 10,000.00
24.	Pembinaan Surau Al-Hamidiah Jalan Sepakat, Bangi	RM 10,000.00
25.	Membaih pulih Surau Nurul Iman, Jalan Kota Raja, Klang	RM 10,000.00
26.	Pembinaan Surau Sekolah Men. Kebangsaan Sijangkang Jaya, Kuala Langat	RM 10,000.00
27.	Pembinaan Surau SRA Kg. Kuantan, Klang	RM 10,000.00
28.	Pembinaan surau Al-Qayyum, Bandar Armada Putera, Pulau Indah, Klang	RM 10,000.00

<sup>50</sup> Laman web, [www.wakafselangor.gov.my](http://www.wakafselangor.gov.my), dicapai 5 November 2012.

Meskipun data dalam Jadual 4.3 secara langsung menunjukkan pemeliharaan harta, namun secara tersiratnya ia turut mencerminkan matlamat syariah Islam yang lain sebagai contoh matlamat memelihara maruah umat Islam tersirat dalam pembinaan dan penambahbaikan masjid serta surau. Manakala matlamat memelihara akal tersirat dalam program wakaf buku kepada sekolah dan matlamat memelihara keturunan (fizikal) tersirat dalam pembinaan klinik wakaf.

Sebagai kesimpulannya, hanya dua matlamat sahaja yang menonjol dalam pelaksanaan SWS iaitu pemeliharaan agama dan pemeliharaan harta. Walau bagaimanapun, didapati juga matlamat lain yang tersirat dalam pelaksana SWS tersebut seperti yang dijelaskan di atas iaitu pemeliharaan maruah, pemeliharaan akal dan pemeliharaan keturunan.

#### **4.6 Kesimpulan**

Bab ini telah menghuraikan analisis berkaitan pelaksanaan saham wakaf menurut perspektif pengurusan Islam. Terdapat lima fokus seperti di atas yang telah dianalisis dalam menghuraikan perkara berhubung perlaksanaan saham wakaf menurut perspektif pengurusan Islam terutama dalam mencapai objektif kajian yang dijalankan pengkaji dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan bahawa MAIS melalui anak syarikatnya PWS, telah melaksanakan pengurusan berkaitan pelaksanaan saham wakaf di Negeri Selangor ini berdasarkan elemen-elemen yang terdapat melalui perspektif pengurusan Islam. Walau bagaimanapun, terdapat juga masalah-masalah tertentu yang dihadapi oleh PWS dalam memastikan kelancaran pengurusan saham wakaf terutama dalam memenuhi spesifikasi pengurusan Islam secara menyeluruh.

Apa yang perlu adalah langkah penambahbaikan dan peningkatan agar mampu untuk mencapai satu tahap yang lebih berkesan dan dapat memuaskan semua pihak terutama dalam menyediakan perkhidmatan yang diberikan. Perkara ini jugalah yang perlu diberi perhatian oleh MAIS dalam melaksanakan saham wakaf di Negeri Selangor ini. Komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh PWS dalam menguruskan saham wakaf akan memperlihatkan suatu hari nanti, apa yang diharapkan berkaitan pelaksanaan saham wakaf ini akan mencapai matlamat dan objektif yang ingin dicapai. Oleh itu, penambahbaikan pengurusan perlu terus dilakukan agar pelaksanaan saham wakaf oleh MAIS benar-benar mampu untuk mencapai matlamatnya sebagai salah satu medium untuk meningkatkan ekonomi dan memelihara kebijakan umat Islam khususnya di Negeri Selangor.